

PARLIMEN MALAYSIA
PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

- PERTANYAAN** : Lisan
- DARIPADA** : Ir. Shahrudin Bin Ismail [Kangar]
- TARIKH** : 30 Oktober 2017 (Isnin)
- SOALAN** : Ir. Shahrudin Bin Ismail [Kangar] minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan apakah bentuk bantuan yang akan diberikan kepada petani yang menghadapi masalah banjir dan apakah Kementerian bercadang untuk memberi bantuan sara hidup kepada para petani.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Antara bentuk bantuan yang akan diberikan kepada petani yang menghadapi masalah banjir adalah Bantuan Ihsan yang telah ditetapkan oleh Majlis Keselamatan Negara seperti berikut:

Bil.	Jenis Bantuan	Kadar Bantuan	Catatan
1.	Bantuan Kerugian Hasil Padi*	RM1,800.00 sehektar	Maksimum 3 hektar
2.	Bantuan Penanaman Semula Padi**	RM876.00 sehektar	Maksimum 3 hektar
3.	Bantuan Ihsan kepada pengusaha sayur-sayuran	Minimum RM500.00 sehektar dan maksimum RM2,000.00 sehektar.	<ul style="list-style-type: none"> • Bantuan mengikut keluasan sebenar kemusnahan. • Had bantuan adalah maksimum 2 hektar.
4.	Bantuan Ihsan kepada pengusaha buah-buahan/ kontan	Minimum RM500.00 sehektar dan maksimum RM1,000.00 sehektar.	<ul style="list-style-type: none"> • Bantuan mengikut keluasan sebenar kemusnahan. • Had bantuan adalah maksimum 4 hektar.

* Bantuan Kerugian Hasil – bagi padi yang tidak sempat dituai

** Bantuan Penanaman Semula Padi – bagi peringkat awal tanaman

Pada tahun 2017, sejumlah RM5.79 juta Bantuan Ihsan telah disalurkan kepada 4,082 orang petani yang terjejas akibat banjir melibatkan kawasan seluas 4,878.05 hektar.

Berhubung cadangan bagi pemberian bantuan sara hidup kepada para petani, Kerajaan sedar bahawa pemberian bantuan seumpama ini boleh memberikan manfaat dalam membantu meringankan beban petani. Namun demikian, Kerajaan berpandangan bahawa pemberian bantuan secara langsung bukanlah satu kaedah terbaik untuk membantu rakyat khususnya dalam memastikan kelangsungan dalam jangka masa panjang. Oleh itu, ketika ini Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani (MOA) melalui Jabatan Pertanian telah pun melaksanakan beberapa bentuk bantuan yang lebih bersifat “*sustain*” kepada para petani bagi membantu meningkatkan pengeluaran hasil pertanian seperti berikut:

- (i) Projek Pengeluaran Tanaman Makanan Menggunakan Sistem Teknologi Fertigasi;
- (ii) Projek Bantuan Peningkatan Hasil Sayur-sayuran;
- (iii) Projek Pakej Amalan Teknologi Tanaman Sayur-sayuran dan Tanaman Kontan;
- (iv) Insentif Peningkatan Hasil;
- (v) Skim Baja Padi Kerajaan Persekutuan;
- (vi) Skim Insentif Pengeluaran Padi;
- (vii) Subsidi Harga Padi;
- (viii) Subsidi Harga Beras;
- (ix) Insentif Benih Padi Sah; dan
- (x) Subsidi Padi Bukit/ Padi Huma di Sabah dan Sarawak

Dengan bantuan sebegini, Kerajaan berkeyakinan para petani akan dapat dibantu untuk jangka masa panjang.

SOALAN (39)

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, PARLIMEN MALAYSIA

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 30 OKTOBER 2017
[ISNIN]DARIPADA : YB TUAN OSCAR LING CHAI YEW
[SIBU]

SOALAN :

YB TUAN OSCAR LING CHAI YEW [SIBU] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan adakah kerajaan mempunyai rancangan untuk mengeluarkan 10,000 ekar tanah di Kawasan SCORE Tanjong Manis untuk diberikan kepada para pekebun di kawasan Sg. Bidut. Adakah Kerajaan merancang untuk membangunkan satu kebun sayur integrasi di SCORE Tanjong Manis.

87

JAWAPAN :-

Tuan Yang di-Pertua

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan tiada rancangan untuk mengeluarkan 10,000 ekar tanah untuk diberikan kepada para pekebun di kawasan Sungai Bidut bagi membangunkan satu kebun sayur integrasi di SCORE Tanjung Manis. Walau bagaimanapun, berdasarkan maklumat yang diterima, Kerajaan Negeri Sarawak meluluskan 500 ekar tanah untuk Agro Park di Sarikei bagi disewakan kepada yang berminat menceburi bidang agro tani untuk dimajukan.

Sekian, terima kasih.

30 Oktober 2017